

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : PUAN HAJAH NORMALA BINTI**  
**ABDUL SAMAD [PASIR GUDANG]**

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah tindakan atau hukuman yang akan dikenakan terhadap stesen minyak yang membenarkan kenderaan bernombor pendaftaran asing mengisi petrol RON 95 dan sejauh mana tahap penguatkuasaan yang telah dijalankan.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Minyak petrol RON 95 merupakan barang kawalan berjadual yang dilesenkan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan **diwartakan sebagai barang larangan eksport di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) 2011**. Bagi memastikan tiada berlaku manipulasi dan penyelewengan terutamanya di kawasan-kawasan sempadan negara, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah memperketat kawalan dengan mengenakan **syarat khas** ke atas lesen kepada **stesen-stesen minyak dalam radius 50km dari kawasan sempadan negara** dengan melarang penjualan RON 95 melebihi 20 liter kepada kenderaan berpendaftaran asing.

Kawalan Pencegahan yang dilaksanakan oleh KPDNKK bagi memastikan larangan tersebut dipatuhi ialah seperti berikut:

- i) kawalan secara pelesenan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kemajuan Petroleum 1974;
- ii) mengekalkan syarat larangan penjualan ke dalam tangki tambahan dan menghadkan waktu operasi stesen minyak dalam radius 10km dari kawasan sempadan sehingga jam 10.00 malam sahaja;
- iii) menghadkan kuota jualan diesel dan petrol RON 95 di stesen-stesen minyak dalam radius 25km dari sempadan negara tidak melebihi 600,000 liter sebulan;
- iv) menangkap dan mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana warganegara asing yang didapati cuba menyelewengkan atau menyeludup minyak petrol RON 95; dan
- v) menjalin kerjasama kawalan di sempadan negara dengan lain-lain agensi penguatkuasaan seperti Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, Unit Pencegah Penyeludupan, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Jabatan Imigresen Malaysia di sempadan.

Mana-mana pengusaha stesen minyak dalam kawasan berkenaan yang gagal mematuhi larangan tersebut adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Peraturan

21(1) Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974 dan jika sabit kesalahan boleh didenda sehingga RM1 juta atau penjara tidak lebih dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali bagi mana-mana orang perseorangan manakala denda sehingga RM2 juta bagi syarikat yang diperbadankan.

Dalam tempoh tiga tahun iaitu dari tahun 2014 hingga 31 April 2016, KPDNKK telah mengambil tindakan ke atas 55 stesen minyak yang didapati menjual petrol RON 95 melebihi 20 liter kepada kenderaan berpendaftaran asing dan denda atau kompaun yang dikutip adalah sebanyak RM167,100.00. Walau bagaimanapun, selepas pelaksanaan rasionalisasi subsidi melalui pengapungan harga terkawal bagi minyak petrol RON 95, kegiatan penyelewengan barang kawalan bersubsidi tersebut sudah berkurangan dan tidak lagi menjadi ancaman besar kepada negara.